

80.6% kemalangan berlaku disebabkan kesilapan manusia - Tiong Lai

KUALA LUMPUR 13 Feb. – Amalan keselamatan jalan raya dalam kalangan rakyat Malaysia masih kurang memuaskan apabila sebanyak 80.6 peratus kemalangan yang berlaku disebabkan oleh kesilapan manusia.

Statistik itu berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, jumlah yang dilaporkan agak membimbangkan berbanding 19.4 peratus kemalangan yang dicatatkan berpunca daripada keadaan jalan raya dan kenderaan.

Katanya, bilangan kes kemalangan jalan raya sepanjang tahun lalu mencatat sebanyak 489,606 kes berbanding 476,196 kes yang dilaporkan pada 2014.

“Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.74 peratus dan trend ini sangat membimbangkan yang mana ramai pengguna mengabaikan keselamatan jalan raya.

“Malah, kadar kematian disebabkan kemalangan telah meningkat kepada sebanyak 6,706 kes pada tahun lalu,” katanya ketika berucap merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya SAFE STEPS, di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Yayasan Prudence, Donald Kanak; Presiden Persekutuan Antarabangsa de l'Automobile, Datuk Seri Jean Todt dan Duta Kempen Keselamatan Jalan Raya SAFE STEPS, Tan Sri Michelle Yeoh.

Malaysia merupakan negara pertama dalam kalangan negara ASEAN memulakan kempen keselamatan jalan raya tersebut.

Kempen tersebut bertindak sebagai program pendidikan jangka panjang menggunakan pelbagai platform termasuk laman web informatif, bahan cetakan dan video.

Selain itu turut dihasilkan satu siri video berdurasi 60 saat bagi menyampaikan nasihat mengenai aspek-aspek penting yang seharusnya diamalkan ketika memandu kereta, menunggang motosikal dan pejalan kaki.

Mengulas lanjut, Tiong Lai berkata, sekurang-kurangnya 18 orang dilaporkan maut setiap hari membabitkan kemalangan jalan raya.

Sepanjang 10 tahun lalu, pengguna motosikal mencatat kadar tertinggi kematian di jalan raya iaitu dengan 39,774 kes kematian, katanya.

“Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa punca kematian disebabkan kemalangan jalan raya dijangka menjadi ancaman ketiga tertinggi kepada kesihatan awam menjelang tahun 2020,” kata beliau.

Walaupun kerajaan termasuk agensi terlibat menganjurkan pelbagai kempen bagi meningkatkan kesedaran berhubung amalan keselamatan jalan raya berhemah, beliau kesal kerana kadar kemalangan jalan raya dan kematian di negara ini masih terus meningkat.

Sementara itu, Tiong Lai meminta orang ramai memberi lebih banyak maklum balas berhubung Sistem Pemberian Mata Demerit Jalan Raya (Kejara) dalam usaha kerajaan menambah baik dan memperkemaskan lagi sistem itu.

Beliau berkata, walaupun garis panduan berhubung sistem itu telah ada, maklum balas berkenaan diperlukan untuk membolehkan Kementerian melakukan kajian menyeluruh ke atas sistem tersebut.

“Saya berterima kasih kepada rakyat Malaysia yang memberi maklum balas memberangsangkan berhubung sistem Kejara yang akan dilaksanakan hujung bulan hadapan.

“Kita minta orang ramai untuk beri lagi maklum balas bagaimana hendak laksanakan pemotongan mata terhadap lesen ini, contohnya kalau 20 mata itu berapa kesalahan...lima ke, enam ke ...dan apa bentuk kesalahannya,” katanya di Bentong, hari ini.

SUMBER : UTUSAN MALAYSIA | M/S: 11 | 14 FEBRUARI 2016